

16 FEB 2002

Syed Hamid-Azmi (Bergambar)

AZMI DIJANGKA PULANG KE MALAYSIA ISNIN INI

SEPANG, 16 Feb (Bernama) -- Rakyat Malaysia, Azmi Salleh, yang ditahan oleh pihak berkuasa Filipina minggu lepas kerana disyaki terbabit dengan kegiatan pengganas, dijangka akan dihantar pulang ke negara ini Isnin ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata buat masa ini Azmi berada di Kedutaan Malaysia di Manila setelah diserahkan oleh pihak berkuasa Filipina Khamis lepas.

"Sekarang dia dah dilepaskan kepada kedutaan kita di Manila dan beliau akan balik dan pasport-pasport orang pun akan diserahkan kepada kedutaan kita dan kita akan menguruskan segala-galanya sehingga benda ini dapat diselesaikan dengan baik," katanya sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini hari ini selepas mengikuti rombongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Antartika.

Syed Hamid berkata kementerian itu akan menguruskan kepulangan Azmi dan juga penyerahan pasport-pasport kepada pemiliknya.

Bagaimanapun katanya kerajaan belum memutuskan mengenai tindakan yang mungkin dikenakan terhadap Azmi.

"Buat masa ini kita akan menguruskan dia balik ke sini dan menguruskan pasport itu untuk diserahkan kepada mereka yang berkenaan dan perkara yang lain akan difikirkan kemudian," katanya.

Azmi, 42, ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Ninoy Aquino pada 8 Feb lepas kerana disyaki terbabit dengan kegiatan pengganas dan pihak berkuasa Filipina turut menemui 106 pasport milik rakyat Malaysia dan wang tunai berjumlah kira-kira AS\$57,000 (RM216,000) bersamanya.

Bagaimanapun selepas disiasat pihak berkuasa Filipina mendapati dia hanya ejen pelancongan yang cuba mendapatkan visa haji menggunakan kuota Filipina dan tidak terbabit dengan mana-mana kegiatan pengganas.

Syed Hamid turut menasihatkan bakal haji Malaysia supaya mengambil iktibar daripada kejadian itu dan menggunakan Lembaga Tabung Haji untuk menguruskan pemergian mereka ke Mekah.

"Malaysia salah sebuah negara yang mempunyai sistem pengurusan haji yang terbaik di dalam dunia Islam. Kita kena ikut perkara itu," katanya.

-- BERNAMA

NM DC LAT